



LIPUTAN **KHAS**

SPECIAL COVERAGE

JOHOR BAHRU (Bernama) -- Pembinaan Pasar Muafakat Sabah @ Johor dijangka akan dapat merancakkan pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat selain menjadi tarikan baharu pelancongan negeri Johor. Pasar yang menempatkan 40 unit gerai termasuk pelbagai kemudahan awam itu dibina dengan kos sebanyak RM2.1 juta dijangka akan dirasmikan oleh Menteri Besar

jadi pasar ini dibina atas keprihatinan kerajaan negeri di bawah pimpinan Menteri Besar Johor bagi memberi peluang sama rata kepada semua warga masyarakat dalam negeri Johor. "Pasar Muafakat Sabah @ Johor adalah bantuan 100 peratus kerajaan negeri dan kerajaan Barisan Nasional dan ia tidak tertumpu kepada masyarakat Sabah sahaja tetapi juga penduduk setempat di kawasan ini,"

golongan miskin masyarakat Sabah. "Selain bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kami juga mendapat kerjasama penuh daripada YPG yang menyalurkan bantuan kepada masyarakat yang memerlukan bantuan. Kami juga menghantar murid-murid dan pelajar menghadiri kelas-kelas tuisyen komuniti percuma yang disediakan oleh kerajaan negeri. "Daripada PSBS sendiri, kami



PASAR MUAFAKAT SABAH, TANDA INKLUSIVITI KERAJAAN NEGERI JOHOR

Oleh Remar Nordin

Johor Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin pada 17 Mac. Presiden Persatuan Suluk Bersatu Sabah (PSBS) Faisal Sisar, 36, berkata pasar berkenaan dibina bagi memberikan kemudahan kepada masyarakat Sabah untuk menjalankan perniagaan mereka yang akan mengetengahkan pelbagai barang dan produk buatan dari Sabah. "Mereka sebelum ini menjalankan aktiviti perniagaan di kawasan tepi-tepi jalan di Seri Alam,

katanya kepada Bernama di sini baru-baru ini. Menurut Faisal, pembinaan pasar itu juga akan dapat membantu memberikan peluang perniagaan kepada golongan berpendapatan rendah untuk keluar daripada kepompong kemiskinan. Selain bantuan pembinaan pasar, kerajaan negeri melalui Yayasan Pasir Gudang (YPG) juga memberikan bantuan berterusan kepada golongan ibu-ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan

juga memberikan bantuan seperti bantuan keperluan asas dan bantuan kewangan kepada mereka yang tidak mempunyai sumber kewangan tetap dan mempunyai bilangan anak yang ramai," jelasnya. Sehingga kini, terdapat hampir 30,000 masyarakat Sabah yang menetap di seluruh negeri Johor dengan kawasan tumpuan di Pasir Gudang, Pengerang dan Kota Tinggi. Menurut Faisal, kebanyakan masyarakat Sabah yang berhijrah



ke Semenanjung adalah kerana faktor pekerjaan dan Johor antara negeri yang banyak menawarkan pekerjaan menjanjikan pulangan yang lumayan. Antaranya pekerjaan buruh kasar di kawasan perindustrian dan perkilangan Pasir Gudang selain projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang.

Majoriti masyarakat Sabah menetap di kawasan rumah kos rendah seperti di Seri Alam, Taman Rinting, Taman Scientex, Taman Mawar dan Taman Cendana di Johor Bahru dan ada

dalam kalangan mereka yang telah bermastautin di sini lebih daripada 20 tahun, jelasnya. Sementara itu, antara penerima gerai di Pasar Muafakat Sabah @ Johor berkata ia merupakan pertolongan kepada masyarakat Sabah yang amat bermakna daripada Menteri Besar Johor dan kerajaan BN.

Zarrah Kodjaasan, yang menetap di Johor lebih 20 tahun itu, berasa amat gembira kerana diberikan peluang oleh kerajaan negeri untuk menjalankan aktiviti perniagaan meskipun kini berada pada usia emas. "Saya dahulu meniaga di tepi-

tepi jalan untuk menyara anak dan menambah pendapatan keluarga dan dengan adanya pasar ini, ia tentunya telah memberikan keselesaan kepada saya sebagai peniaga dan juga pembeli," kata wanita berusia 62 tahun itu. Bagi Kasmawati Mohsin, 40, pembinaan pasar itu ibarat mimpi menjadi kenyataan apabila hajatnya yang selama ini mahu memiliki kedai sendiri kini direalisasikan.

"Berniaga memerlukan kos yang besar dan kalau untuk menyewa agak sukar kerana kos mengoperasikan rumah kedai mahal, tetapi dengan adanya pasar Sabah ini telah banyak membantu saya. Terima kasih Menteri Besar Johor," katanya. Sementara itu, Yusop Abdula, 40, berkata rakyat Johor yang mahu mencari barang makanan dan produk buatan dari negeri Sabah tidak perlu bersusah-payah lagi kerana semua barang yang dijual di pasar berkenaan diterbangkan khusus dari negeri di bawah bayu itu.

"Kita ada makanan kering, bahan basah, makanan orang Sabah termasuk produk-produk dan kraf yang dibawa dari Sabah. Jadi orang Semenanjung sudah tidak perlu terbang merentasi seberang laut kerana semuanya ada di pasar ini," katanya.

-- BERNAMA